

# **BULETIN**

## **JKR WP PUTRAJAYA**

SIARAN JAN - JUN 2017



**'JKR WP PUTRAJAYA  
MENJELANG 2019'**

**PARCEL F**

Perspektif 3D, Bangunan Pejabat JKR WP Putrajaya yang bakal diduduki oleh warga JKR Putrajaya di Parcel F.



Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya, Dato Ir. Haji Habbali Bin Ibrahim bersama dengan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia Dato Sri Ir. Dr. Roslan Md Taha di Majlis Ekspresi Negaraku 2017.

# **EKSPRESI NEGARAKU**



**Sabtu  
18 Mac 2017  
Dataran Putrajaya  
Presint 3**





## SEKAPUR SIRIH

### Perutusan Pengarah

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku,

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dan dengan julung-julung kalinya dapat kita menerbitkan edisi pertama Buletin Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya (JKR WPP) bagi tahun 2017. Saya berharap e-Buletin ini juga dapat memberi manfaat dan perkongsian ilmu kepada semua pembaca dalam memahami fungsi dan peranan JKR WPP sebagai Pengurus Fasilitas Bangunan dan kerja-kerja ubahsuai serta penasihat pakar bagi projek yang dilaksanakan. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sidang Redaksi yang telah memberikan komitmen dan kerjasama yang padu dalam menjayakan penerbitan buletin ini. Saya menyeru agar warga kerja JKR WP Putrajaya agar terus bersama-sama berusaha dengan lebih gigih lagi bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi.

Wasalam.



**DATO' Ir. HAJI HABBALI BIN IBRAHIM**  
PENGARAH JABATAN KERJA RAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA



J.K.R WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
ARAS 3, BLOK C7, KOMPLEKS C  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN 62582 PUTRAJAYA



03-8885 6800

### Timbalan Pengarah

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT, edisi pertama Buletin JKR WP Putrajaya bagi tahun 2017 berjaya dihasilkan dengan berkat dan usaha sidang redaksi serta kerjasama dan komitmen setiaparganya.

Tahun 2017 merupakan tahun cabaran merealisasikan KPI Jabatan yang memerlukan peningkatan daya saing dan mentransformasikan sektor bidang keberhasilan modal insan untuk berdaya maju. Tumpuan memperkukuhkan pembelajaran sepanjang hayat perlu disemai ilmu pengetahuan kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan.

Melalui penghasilan Buletin ini dapat kita sampaikan ke pada umum, usaha dan pencapaian yang telah dikecapi oleh JKR WP Putrajaya dalam usaha seiring dengan transformasi negara.

Di sini saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak di atas segala khidmat dan sumbangan yang telah diberikan. Sebagai penyumbang pembangunan terbesar dalam bidang teknikal terutamanya dalam pengurusan dan penyenggaraan aset, saya berharap agar JKR WP Putrajaya akan terus menyerlah dan unggul dengan meraih kejayaan yang lebih besar dimasa-masa mendatang. InsyaAllah.



**Ir. SYED JAAFAR IDID BIN SYED ABDYLLAH IDID**  
TIMBALAN PENGARAH

### Ketua Editorial

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Syukur ke hadirat Ilahi akhirnya berjaya juga e-buletin ini dizahirkan bagi mendukung amanah dan hasrat Dato' Pengarah JKR WP Putrajaya.

E-Buletin yang dikeluarkan ini sebagai edisi pertama bagi tahun 2017 adalah hasil usaha jawatankuasa sidang editor dan kakitangan JKR WP Putrajaya amnya. E-buletin ini adalah kompilasi bukti komitmen kakitangan JKR WP Putrajaya dalam menyampaikan hasrat kerajaan dengan menggembeling segala usaha dan tenaga dengan ikhlas, cekap dan amanah, berkongsi pengalaman, maklumat serta ilmu untuk dimanfaatkan bersama dan yang paling utama adalah bagi menunjukkan betapa sangat berharganya setiap kakitangan JKR WP Putrajaya ini di bawah naungan Dato' Pengarah. Setiap usaha adalah bagi meningkatkan jati-diri kakitangan JKR Putrajaya sebagai bekalan di masa - masa akan datang.

Sebagai edisi pertama, pihak pengarang lebih menumpukan kepada aktiviti-aktiviti semasayang telah dijalankan. Sedikit perkongsian ilmu serta kejayaan-kejayaan yang telah ditempa bagi tahun separuh tahun pertama 2017 untuk di dimanfaatkan bersama.

Semoga keluaran ini berjaya menyuntik semangat warga JKR WP Putrajaya untuk bekerja sebagai satu pasukan yang kukuh dan berdaya saing serta disegani sebagai satu produk JKR WP Putrajaya yang berkualiti dan disanjung tinggi.



**HASLINA BINTI SUMAIRI**  
ARKITEK PENGUASA KANAN

# ISI KANDUNGAN

## Halaman

- Sekapur Sirih
- Seleksi Projek-Projek yang Dilaksanakan**
- 1-2. Blok Obstetrik & Neonatologi Hospital Putrajaya
- 3-4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Parcel F
- Bahagian Senggara Kuarters**
- 7. Fungsi dan Peranan
- Pengurusan Fasiliti**
- 8. Laporan Tenaga
- Perkongsian Ilmu**
- 9. Laporan Project Lesson Learnt

## Halaman

- 10.
- 11-13.
- 14.
- 14.
- 15.
- 16.

## Aktiviti

- Sukan JKR
- EKSA DIY
- Integriti
- Ekspresi Negaraku
- Perhimpunan Pagi
- Sekalung Penghargaan



AJK Buletin bergambar di Dataran Masjid Putra, Putrajaya.

Dari kiri ke kanan : En. Hanafi Bin Aminuddin, Pn. Noriha Binti Awang, Pn. Nafiza Binti Samsudin, Pn. Nurul Hidayah Bt. Idris, Pn. Asmahani Bt. Ibrahim, En. Ilkham Bin Abu Bakar, Tn. Hj. Alias Bin Abd.Kadir, En. Muhammad Hafizuddin Bin Tajudin, En. Athir Bin Kamaruddin, En. Noor Azizi Bin Arifin, En. Shahrman Bin Abd Latef dan En.Norazmi Bin Bakar.

## Ahli Jawatankuasa Buletin

PENAUNG:  
**DATO' Ir. HJ. HABBALI BIN IBRAHIM**  
(PENGARAH)

PENASIHAT:  
**Ir. SYED JAAFAR IDID BIN SYED ABDYLLAH IDID**  
(TIMBALAN PENGARAH)

KETUA EDITOR:  
**PN. HASLINA BINTI SUMAIRI**  
(ARKITEK PENGUASA KANAN)

## R E D A K S I

BHGN ARKITEK :  
**PN. NURUL HIDAYAH BINTI IDRIS**  
**EN. MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN TAJUDIN**

BHGN PENGURUSAN KORPORAT:  
**PN. NAFIZA BINTI SAMSUDIN**  
**EN. ILKHAM BIN ABU BAKAR**

BHGN PENGURUSAN PROJEK:  
**TN. HJ. ALIAS BIN AB.KADIR**

BHGN SENGGARA KUARTES:  
**PN. NORIHA BINTI AWANG**

BHGN SENGGARA ZON 1:  
**EN. NORAZMI BIN BAKAR**

BHGN SENGGARA ZON 2 :  
**EN.MOHD ATHIR BIN KAMARUDDIN**

BHGN SENGGARA ZON 3:  
**PN. ASMAHANI BINTI IBRAHIM**

BHGN UKUR BAHAN:  
**EN. MOHD SHAHRIMAN BIN ABD LATEF**

UNIT PENGURUSAN STRATEGIK & INTERVENSI / CPAB:  
**EN. HANAFI BIN AMINUDDIN**  
**EN. NOOR AZIZI BIN ARIFIN**



# NEONATAL

Projek - projek yang berjaya diserahkan

## UBAHSUAI BLOK ASRAMA JURURAWAT KEPADA BLOK OBSTETRIK & NEONATOLOGI HOSPITAL PUTRAJAYA



Majlis Perasmian Blok Obsterik & Neonatalogi pada 6 Julai 2017

### LATAR BELAKANG PROJEK

- Jenis Kontrak = Konvensional Perunding
- Kos Kontrak = RM 16,483,388.50
- Tarikh Milik  
Tapak = 11 November 2013
- Tarikh CPC = 20 Oktober 2016



Fasad laluan perjalan kaki yang menghubungkan antara blok lama dengan blok baru



- ❑ Merupakan Cadangan Ubahsuai Bangunan Blok Asrama Jururawat Sediada kepada Blok Obsterik & Neonatologi Hospital Putrajaya.
- ❑ Menempatkan 61 bilangan katil pesakit khusus untuk ibu-ibu bersalin serta memberi rawatan khusus kepada bayi yang baru dilahirkan.
- ❑ Projek ini direkabentuk oleh perunding dibawah Ibu Pejabat Cawangan Kerja Kesihatan serta diserahkan kepada JKR WP Putrajaya selaku Pegawai Penguasa bagi pembinaan projek ini di tapak.



Wad Rawatan Khas Bayi



Sidang media Majlis Perasmian Blok Obstetrik & Neonatologi, Hospital Putrajaya.

**“Projek contoh hospital 61 katil dengan kos RM 16 juta ” - YB Menteri Kesihatan**



Pandangan Hadapan Bangunan Yang Siap Diubahsuai



The logo for the Malaysian Anti-Corruption Commission (SPRM) is displayed in a bold, white, sans-serif font. The letters 'S', 'P', 'R', and 'M' are connected, with the 'P' and 'R' having a distinctive shape. The logo is positioned in the upper left corner of the image, partially overlapping the building's facade.

**SPRM**

**MERCU TANDA BARU IBU PEJABAT  
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA  
DI ATAS LOT 7G1, PUTRAJAYA.**







Projek - projek yang berjaya diserahkan

“Projek Perjanjian Konsesi siap 5 bulan mendahului jadual”.



Pandangan Bangunan SPRM yang telah siap dibina daripada jalan utama.

## LATAR BELAKANG PROJEK

- Merupakan bangunan ikonik yang terbaharu di Putrajaya yang menempatkan Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- Dibina secara konsep Private Finance Initiative (PFI) yang dilaksanakan dibawah Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Malaysia dan Putrajaya Holdings (PJH).
- Mengandungi 3 blok bangunan dengan kos kontrak berjumlah RM428,000,000.00 dan tempoh pembinaan selama 42 bulan. CPC adalah pada 21 Julai 2017.



Foto - foto di sekitar Majlis Penyerahan Bangunan pada 21 Julai 2017 yang lepas.





# PARCEL F

## PROJEK BANGUNAN KERAJAAN DI PARCEL F PRESINT 1, PUTRAJAYA



**'JKR Putrajaya bertanggungjawab memantau kesemua projek di bawah Perjanjian Konsesi sehingga siap' - Government Building Supplemental Concession Agreement (2005)**







Projek dalam Pembinaan



10 blok  
bangunan  
dengan  
kos

RM 1,893,724,177.52



**JKR  
PUTRAJAYA  
SEBAGAI  
PASUKAN  
PROJEK  
KERAJAAN**

P

A

R

C

E

L

PERJANJIAN KONSESI PARCEL F

- Parcel F merupakan kompleks pejabat kerajaan yang dibina secara konsep Private Finance Initiative (PFI) bagi menyediakan bangunan pejabat bagi jabatan-jabatan kerajaan di Putrajaya
- Dibina secara melalui kaedah bina-pajak-senggara-pindah (Build-lease-maintain-transfer).
- Perjanjian Konsesi telah ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dengan Putrajaya Bina Sdn Bhd (PBSB) pada 25 Ogos 2015. PBSB berperanan selaku pemegang konsesi dan pemaju (bagi projek ini).
- Tarikh milik tapak pada 18 September 2015 dan tarikh jangka siap adalah pada 18 Julai 2019.



**KOMPLEKS PARCEL F MENGANDUNGI JABATAN-JABATAN BERIKUT**

- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) □ Jabatan Audit Negara (JAN) □ Jabatan Perancang Bandar & Desa (JPBD)
- Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) □ Jabatan Kerja Raya WP Putrajaya (JKR) □ Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
- Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) □ Unit Kawal Selia Felda (UKSF) □ Jabatan Landskap Negara (JLN)
- Biro Tatanegara (BTN) □ Biro Pengaduan Awam (BPA) □ Jabatan Perangkaan (JP)







# KUARTERS FUNGSI BAHAGIAN KUARTERS

- Menguruskan dan memantau pelaksanaan kontrak-kontrak penyelenggaraan kuarters kerajaan di Putrajaya.
- Menyelaras dan memberi ulasan teknikal terhadap rekabentuk dan pelan cadangan pembinaan kuarters di Putrajaya.
- Memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan penyelenggaraan kuarters.

## RINGKASAN LAPORAN ADUAN KUARTES SEHINGGA MEI 2017



## KEDUDUKAN KUARTES



**KUARTERS JENIS TERES (3396 UNIT)**



**KUARTERS JENIS BERKEMBAR (1169 UNIT)**



**KUARTERS JENIS BANGLO (98 UNIT)**







# TENAGA

## LAPORAN TENAGA SUKU TAHUN BANGUNAN KERAJAAN BLOK C7

LAPORAN TENAGA APRIL - JUN 2017

### 1. PENCAPAIAN LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN (kWh)

Perkara	Anggaran Penjimatan %	Penggunaan Tenaga-Penanda Asas 3 bulan, kWh	Penggunaan Tenaga-Pencapaian Sebenar, kWh	Penjimatan kWh (%)	Ulasan
Penggunaan Tenaga Keseluruhan	5% (tanpa kos)	597,722	562,109	5.96%	Penjimatan kasar, termasuk kesan kerja upgrading lampu LED
a. Pelaksanaan program kesedaran di kalangan penghuni bangunan	i. Kempen jimatkan tenaga elektrik dan harga air pada bulan Mac 2017 ii. Pelarasan suhu pada bulan Ramadhan 2017 'Sistem lampu berpusat sehingga 6.30 petang dan penyaman udara berpusat sehingga 6.00 petang' iii. Kempen pemakluman suhu 24 darjah Celcius di kawasan pejabat pada bulan Jun 2017				
b. Pelarasan semula waktu operasi sistem penyaman udara					
c. Menutup lampu ruang semasa rehat					
d. Pelarasan semula suhu di ruang lobi lif supaya lebih tinggi dari ruang pejabat.					

### 2. PENCAPAIAN PENJIMATAN KOS (RM)

Langkah Penjimatan	Tempoh Pelaksanaan	Status Pelaksanaan		Penjimatan (RM) 3 bulan	
		% Kemajuan	Status	Sasaran	Pencapaian Sebenar
Penggunaan Tenaga Keseluruhan	Apr'17-Jun'17	25%	Dilaksanakan	10,827.80	12,998.75
a. Pelaksanaan program kesedaran di kalangan penghuni bangunan	i. Sasaran penjimatan: 29,665.20 kWh atau RM10,827j ii. Pencapaian penjimatan: 35,613 kWh atau RM12,998j iii. Peratusan pencapaian keseluruhan: 6.00%				
b. Pelarasan semula waktu operasi sistem penyaman udara					
c. Menutup lampu ruang semasa rehat					
d. Pelarasan semula suhu di ruang lobi lif supaya lebih tinggi dari ruang pejabat					
Pencapaian Keseluruhan				6.00 %	

### 3. STATUS PELAKSANAAN LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN & AKTIVITI PENGURUSAN TENAGA

Langkah Penjimatan	Tempoh Pelaksanaan	Status Pelaksanaan		Ulasan
		% Kemajuan	Status	
a. Pelaksanaan program kesedaran di kalangan penghuni bangunan	Apr'17-Jun'17	50%		Kempen jimatkan tenaga elektrik dan harga air pada bulan Mac dan Jun 2017 melalui emel
b. Pelarasan semula waktu operasi sistem penyaman udara	Apr'17-Jun'17	8.3%		Perubahan operasi waktu pada bulan puasa bermula 1/6/2017
c. Menutup lampu ruang semasa rehat	Apr'17-Jun'17	15%		Semua aras secara berzon
d. Pelarasan semula suhu di ruang lobi lif supaya lebih tinggi dari ruang pejabat	Apr'17-Jun'17	0%		





'Lesson Learnt' daripada projek 'CADANGAN PENGUBAHSUAIAN RUANG PEJABAT JABATAN PEGUAM NEGARA, BANGUNAN AGC, PRESINT 4, PUTRAJAYA - FASA 4 (REKA & BINA) merumuskan perkara-perkara berikut:

**Cadangan Pengubahsuaian Ruang Pejabat Jabatan Peguam Negara, Bangunan AGC, Presint 4, Putrajaya - Fasa 4 (Reka & Bina)**

- Perubahan skop kerja dan reka bentuk mengikut keperluan pelanggan perlu di ambil kira dan dimuktamatkan semasa di peringkat perancangan.
- Pihak HOPT perlu melibatkan semua stake holder di peringkat perancangan terutamanya PBT dan SO
- Perancangan sumber manusia yang lebih efektif dengan mengekalkan sebahagian pegawai yang terlibat dengan pasukan projek sehingga penutupan akau (project management continuity)
- Dokumen kontrak perlu disediakan di peringkat awal pembinaan terutamanya untuk kontrak fast track.

'Lesson Learnt' daripada projek **Kontrak Pengurusan Fasiliti Bagi Bangunan Pejabat Kerajaan Kem. Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia & Sektor Pengajian Tinggi Kem. Pendidikan Malaysia Di Lot 5G2, Presint 5, Putrajaya.**

- Pengalaman kontraktor dalam mengawal selia sekurang-kurangnya 1 atau 2 kontrak pengurusan fasiliti perlu di ambil kira.
- Semua pihak yang terlibat dengan kontrak pengurusan fasiliti iaitu wakil pelanggan, S.O dan kontraktor sipastikan faham kehendak kontrak dan spesifikasi melalui sesi perbincangan atau mensuarat berkala.
- Garis panduan atau tatacara kerja (SOP) pengurusan fasiliti yang terperinci adalah penting disediakan untuk memperjelaskan serta menyeragamkan pemahaman semua.
- Penilaian life cycle cost activities dibuat dengan teliti sebelum kontrak bermula dan dikemaskini semula secara berkala.
- Kontrak pengurusan fasiliti sepatutnya hanya memfokuskan kepada skop teknikal tidak termasuk custodial works bagi memudahkan pengurusan dan kawalan kontrak yang lebih berkesan.

# LAPORAN PROJECT LESSON LEARNT

## BENGKEL PEMURNIAN DAN PENYIAPAN LAPORAN PROJEK LESSON LEARNED (PLL) JKR WP PUTRAJAYA

Pengalaman melaksanakan projek dan menyelenggara bangunan adalah satu pengalaman yang amat berharga. Pengalaman ini membuka minda dan menajamkan fikiran bagi merangka satu pelaksanaan yang lebih baik di masa akan datang.

Berikut itu satu bengkel 'Lesson Learned' telah diadakan pada 24 & 25 Mei 2017 di Bilik Taklimat Tender, JKR WP Putrajaya. Objektif bengkel adalah untuk mendokumentasikan 'pengalaman' serta pengetahuan yang mana melibatkan amalan terbaik dan isu-isu yang berkaitan dan cara terbaik mengatasinya. Sokongan padu serta kerjasama semua pegawai dan kakitangan yang memberi kupasan masalah yang jitu telah menghasilkan laporan 'Lesson Learned' yang akan dijadikan rujukan di masa akan datang.



Aktiviti - aktiviti yang dijalankan semasa bengkel.





# SUKAN AKTIVITI - AKTIVITI SUKAN JKR PUTRAJAYA 2017

## PERLAWANAN PERSAHABATAN JKR & PUTRAJAYA HOLDING

### Kelab Sukan, Sosial & Kebajikan JKR WP Putrajaya (KSSKJKRWPP)

JKR WP Putrajaya telah menerima jemputan menyertai Karnival Sukan JKR SeMalaysia 2017 yang berlangsung pada 4 hingga 6 Ogos di Kuala Terengganu, Terengganu. Sebagai menyahut jemputan ini, Pengarah selaku Yang DiPertua Kelab Sukan, Sosial & Kebajikan JKR WPP telah bersetuju menghantar empat (4) pasukan pertandingan bagi acara Badminton, Bola Jaring, Ping Pong dan Bowling TenPin. Sehubungan dengan itu, satu Temasya Semarak Sukan JKR WP Putrajaya telah diadakan bermula April sehingga Julai 2017 sebagai platform latihan dan pemilihan pemain-pemain ahli kelab sukan yang akan ke Kuala Terengganu. Temasya Semarak Sukan JKR WP Putrajaya turut disertai oleh pemain dari Putrajaya Holding dan lain-lain syarikat kontraktor di Putrajaya.



Para peserta pemain badminton dan pengurus pasukan bergambar bersama Timbalan Pengarah JKR WP Putrajaya





# EKSA

Ekosistem  
Kondusif Sektor Awam



## JKR Putrajaya Sebagai Projek Perintis EKSA DIY

- \* JKR Ibu Pejabat telah memilih JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai projek perintis bagi pelaksanaan pendekatan EKSA DIY.
- \* Pelancaran pada Mei 2016 oleh Pengarah JKR WP Putrajaya, Dato' Ir. Haji Habbali Bin Ibrahim.
- \* Bermula 2017, MAMPU telah menetapkan bahawa Penilaian Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR) perlu dilaksanakan secara pendekatan Do It Yourself (DIY) yang meliputi tiga (3) program utama iaitu Indeks SSR DIY, EKSA DIY dan Mystery Shopping (MS) DIY.
- \* Kerjasama yang padu dan jitu hasil usaha seluruh kakitangan JKR WP Putrajaya telah membolehkan jabatan ini mencapai Sijil Cemerlang dari pihak MAMPU pada 10 Ogos 2017.







# EKSA

GAMBAR - GAMBAR SELEPAS PENAMBAHBAIKAN



Sudut EKSA.



Ruang menunggu Bahagian Arkitek.



Sudut bahan Bahagian Arkitek.



Sudut bahan Bahagian Elektrik.





# EKSA

GAMBAR - GAMBAR SELEPAS PENAMBAHBAIKAN



Sijil Pengiktirafan oleh MAMPU.



Sudut bahan Bahagian Ukur Bahan



Sudut Lestari



Sudut EKSA zon plantinum.





# INTEGRITI

Unit Integriti merupakan di antara unit yang aktif menjalankan program ceramah dan perkongsian ilmu dalam memantapkan nilai - nilai integriti staff jabatan ini.

**JUMLAH PROGRAM YANG TELAH  
DIJALANKAN DARI  
JANUARI - JUN 2017 = 4 PROGRAM**



Keterangan program di dalam gambar:

Program : Taklimat Pengurusan Dan Kesedaran Rasuah  
Penceramah jemputan : En. Samsul Bin Salip (SPRM)  
Tarikh : 21 April 2017  
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama JKR Putrajaya

# EKSPRESI NEGARAKU

**Sabtu 18 Mac 2017**  
**Dataran putrajaya**  
**Presint 3**







# PERHIMPUNAN PAGI JKR WP PUTRAJAYA

## AMANAT DATO' PENGARAH JKR WP PUTRAJAYA

Pada 24 Mac 2017 semasa Perhimpunan Pagi Warga JKR WP Putrajaya adalah digesa :

- memantapkan mutu perkhidmatan dan kecekapan pengurusan serta akauntabiliti yang mana pewujudan Jawatan Timbalan Pengarah JKR WP Putrajaya serta penubuhan unit baharu iaitu Unit Pengurusan Strategik dan Intervensi bagi mencapai sasaran ini.
- mengekalkan prestasi 90% markah bagi menghadapi audit sehingga mencapai Pengiktirafan CEMERLANG pensijilan EKSA pada 25-27 April 2017 yang mana SSR-DIY: JKR WP Putrajaya terpilih bagi menjayakan program pengiktirafan EKSA-DIY.
- mengekalkan prestasi 90% markah bagi menghadapi audit sehingga mencapai Pengiktirafan CEMERLANG pensijilan EKSA pada 25-27 April 2017 yang mana SSR-DIY: JKR WP Putrajaya terpilih bagi menjayakan program pengiktirafan EKSA-DIY.
- sentiasa mengemaskini maklumat HRMIS dan menyempurnakan SKT mengikut tarikh yang ditetapkan di mana HRMIS adalah KPI Menteri, KPKR, TKPKR dan KPI Pengarah JKR WPP dengan pemantauan kriteria seperti Perisytiharan Harta, Pemurnian Data 24 elemen (Data Peribadi & Profil), SKT, LNPT dan Penamatan Perkhidmatan .
- meningkatkan ilmu pengetahuan serta kecemerlangan softskill bagi membentuk kompetensi dan profesionalisma di kalangan warga JKR WPP bagi menjaga hubungan dengan semua pelanggan JKR WP Putrajaya.
- agar penyertaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi Pengurusan dan Teknikal serta menghantar kontinjen sukan bagi acara ping-pong, badminton, bowling serta bola jaring bagi menyertai Karnival Sukan JKR seMalaysia memberi nilai tambah kepada imej JKR WP Putrajaya.
- mematuhi segala Dasar, Prosedur dan Arahan Perkhidmatan serta Arahan Perbendaharaan terutama yang melibatkan perolehan kontrak, pentadbiran kontrak dan kewangan dan memastikan tiada teguran berulang atas sebab JKR WP Putrajaya merupakan tumpuan audit daripada pelbagai agensi.
- mengambil iktibar dan pengajaran daripada pengalaman laludi mana yang baik dan berjaya perlu diteruskan dan diberi penambahbaikan, yang lemah diperbaiki. Yang gagal patut ditamatkan dan diambil pengajaran daripadanya.



### PERKONGSIAN ILMU SEMASA PERHIMPUNAN PAGI:

- TAKLIMAT PENGURUSAN TENAGA (SPT) OLEH EN. MOHD KHAIROL AZMI BIN MOHD SALLEH, JURUTERA MEKANIKAL KANAN
- PEMBENTANGAN LAPORAN AUDIT BUILDING CONTROL SYSTEM (BCS) OLEH EN. NOOR AZIZI BIN ARIFFIN, JURU UKUR BANGUNAN.
- TAKLIMAT SENARAI SEMAK KEWANGAN OLEH EN. MUSTAPAI BIN ENDUT, JURUTERA AWAM KANAN, BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT





# SEKALUNG PENGHARGAAN

buat seluruh Warga JKR WP Putrajaya yang bersatu teguh dibawah kepimpinan yang diterajui oleh Pengarah & Timbalan Pengarah JKR WP Putrajaya serta barisan Ketua Bahagian .

Barisan Atas

- 1) Dato' Ir. Hj. Habbali Bin Ibrahim (Pengarah JUSA C)
- 2) Ir. Syed Jaafar Idid Bin Syed Abdylah Idid (Timbalan Pengarah, Unit Pengurusan Strategi Dan Intervensi / CPAB)
- 3) Ahmad Jalil Bin Jaafar (Jurutera Mekanikal Penguasa Kanan Bahagian Senggara Zon 1)
- 4) Ahmad Rosli Bin Abd. Rahman (Jurutera Awam Penguasa Kanan Bahagian Senggara Kuarters)
- 5) Ir. Hj. Shamsuriee Bin Sulaiman (Jurutera Elektrik Penguasa Kanan Bahagian Senggara Zon 3)
- 6) Asha'ari Bin Hj. Hasan (Jurutera Elektrik Penguasa Kanan Bahagian Pengurusan Korparat)

Barisan Bawah

- 7) Ir. Lai Liang Koong (Jurutera Awam Penguasa Kanan Bahagian Senggara Zon 2)
- 8) Haslina Binti Sumairi (Arkitek Penguasa Kanan Bahagian Arkitek)
- 9) Sr. Zulkfle Bin Othman (Juruukur Bahan Penguasa Kanan Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan)
- 10) Seribaiyah Binti Ardani (Jurutera Awam Penguasa Kanan Bahagian Pengurusan Projek)





*Rekabentuk dan grafik oleh:*  
ARKITEK JKR WP PUTRAJAYA



**JKR PUTRAJAYA**

ARAS 3, BLOK C7,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62582 PUTRAJAYA.